

SISTEM PENJADUALAN TEMU JANJI YANG DIPERTINGKAT

Pusat Mata Nasional Singapura (SNEC) akan memperkenalkan Sistem Pengoptimum Temu Janji (ASO), bagi mempertingkatkan penjadualan temu janji susulan anda. Pelaksanaan ASO bertujuan memperbaiki tempoh menunggu anda di klinik, demi pengalaman pesakit yang lebih baik.

Dengan pelaksanaan ASO, bilakah saya akan diberitahu tentang butiran temu janji saya?

Sekiranya temu janji anda yang selanjutnya kurang daripada 2 minggu ASO akan menjadualkan dan menghantar SMS butiran temu janji anda dalam tempoh **3 hari kerja** kepada nombor telefon bimbit setempat anda yang didaftarkan dalam sistem kami.

Sekiranya temu janji anda yang selanjutnya adalah dalam 2 hingga 4 minggu Sistem itu akan menjadualkan dan menghantar SMS butiran temu janji anda **2 minggu lebih awal** sebelum temu janji anda yang selanjutnya kepada nombor telefon bimbit setempat anda yang didaftarkan dalam sistem kami.

Sekiranya temu janji anda yang selanjutnya adalah lebih sebulan kemudian Sistem itu akan menjadualkan dan menghantar SMS butiran temu janji anda **1 bulan lebih awal** sebelum temu janji anda yang selanjutnya kepada nombor telefon bimbit setempat anda yang didaftarkan dalam sistem kami.

Bagi pesakit tanpa nombor telefon setempat yang berdaftar

Sila hampiri staf kaunter kami di klinik.

Periksa semua temu janji kesihatan anda dalam satu aplikasi

Anda boleh rujuk ke *Aplikasi Health Buddy* anda apabila temu janji susulan anda telah dijadualkan.

Bagaimana saya menjadualkan semula temu janji saya?

Anda boleh menjadualkan semula temu janji anda menerusi:

- *Aplikasi Health Buddy*, atau
- hubungi Talian Temu Janji SNEC semasa waktu pejabat di (65) 6227 7266, atau

- hantar emel kepada kami di appointments@sneec.com.sg

Keadaan Mata Yang Memerlukan Perhatian Segera

Bagi penjagaan mata yang perlukan perhatian segera selepas waktu pejabat, Ahad dan cuti umum, sila kunjungi jabatan kecemasan hospital yang terdekat dengan anda.

Pertanyaan

Bagi pertanyaan lanjut, anda boleh hubungi Talian Temu Janji SNEC semasa waktu pejabat di (65) 6227 7266 atau hantar emel kepada kami di appointments@sneec.com.sg.